



GARIS PANDUAN NAIKTARAF DARIPADA PROGRAM IJAZAH SARJANA KE IJAZAH DOKTOR FALSAFAH FAKULTI PERUBATAN

**SEKRETARIAT PENGAJIAN SISWAZAH
FAKULTI PERUBATAN UKM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
Tarikh Kelulusan	1
1.0 Pengenalan	2
2.0 Penetapan/ Syarat/ Kriteria Kelayakan	2
3.0 Syarat/ Kriteria Calon Yang Layak Untuk Memohon	3
4.0 Prosedur Permohonan	4
5.0 Keahlian Panel/Jawatankuasa Penilaian	5
6.0 Tarikh Kuat Kuasa	5
Appendix	
a) Borang Permohonan Naiktaraf Daripada Program Ijazah Sarjana Ke Ijazah Doktor Falsafah Fakulti Perubatan UKM	
b) Borang Penilaian Pembentangan Proposal Naiktaraf Daripada Program Ijazah Sarjana Ke Ijazah Doktor Falsafah Fakulti Perubatan UKM	
c) Proses Pengurusan Permohonan Naiktaraf Daripada Program Ijazah Sarjana Sains Perubatan Ke Ijazah Doktor Falsafah Fakulti Perubatan UKM	
d) Senarai Semak Syarat/Kriteria Calon Yang Layak Untuk Memohon	

TARIKH KELULUSAN

- (a) Mesyuarat Pengajian Siswazah MPS Bil. 240 bertarikh pada 13hb September 2017 dan Mesyuarat Fakulti Bil. 363 bertarikh 11hb Oktober 2017 telah memperakukan dan meluluskan Syarat Naiktaraf Daripada Program Ijazah Sarjana Ke Ijazah Doktor Falsafah Fakulti Perubatan UKM.
- (b) Mesyuarat Pengajian Siswazah MPS Bil. 240 bertarikh pada 13hb September 2017 dan Mesyuarat Fakulti Bil. 363 bertarikh 11hb Oktober 2017 telah memperakukan dan meluluskan Syarat Naiktaraf Daripada Program Ijazah Sarjana Ke Ijazah Doktor Falsafah Fakulti Perubatan UKM.
- (c) Deraf cadangan pindaan syarat naiktaraf daripada Program Ijazah Sarjana Sains Perubatan ke Ijazah Doktor Falsafah Fakulti Perubatan UKM ini telah dibincangkan pada 18 November 2019 di Bilik Mesyuarat Sekretariat Pengajian Siswazah.
- (d) Deraf cadangan pindaan syarat naiktaraf daripada Program Ijazah Sarjana Sains Perubatan ke Ijazah Doktor Falsafah Fakulti Perubatan UKM ini telah dibincangkan kali kedua pada 27 hingga 29 Disember 2019 di Bengkel Strategik dan Hala Tuju Pengurusan Pengajian Siswazah Fakulti Perubatan UKM.
- (e) Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Siswazah Ke-255 pada 15 Januari 2020 telah memperakukan Pindaan Syarat Naiktaraf Daripada Program Ijazah Sarjana Ke Ijazah Doktor Falsafah Fakulti Perubatan UKM.
- (f) Mesyuarat Fakulti Perubatan Ke-377 pada 12 Februari 2020 telah meluluskan Pindaan Syarat Naiktaraf Daripada Program Ijazah Sarjana Ke Ijazah Doktor Falsafah Fakulti Perubatan UKM.

1.0 PENGENALAN

Garis Panduan ini adalah bertujuan bagi memberi panduan kepada Fakulti Perubatan dalam mempertimbangkan proses naiktaraf daripada program Ijazah Sarjana ke Ijazah Doktor Falsafah Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia.

2.0 PENETAPAN/ SYARAT/ KRITERIA KELAYAKAN

Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2015

46. (1) Pelajar yang mengikuti program sarjana di bawah subperaturan 6(a) boleh memohon untuk penukaran dari program sarjana ke program kedoktoran.
- (2) Permohonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Timbalan Dekan (Siswazah), dengan perakuan Penyelia Utama/Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan selewat-lewatnya dalam tempoh **DUA (2) BULAN PERTAMA DI-SEMESTER KETIGA (3)** pengajiannya.
- (3) Satu panel penilai hendaklah dilantik dan dianggotai oleh:
- (a) Dekan/Pengarah atau wakilnya sebagai pengerusi; dan
 - (b) Ketua Jabatan/Pengerusi Pusat Pengajian atau wakilnya; dan
 - (c) tiga (3) orang staf akademik Universiti dalam bidang berkaitan yang terdiri daripada Profesor atau Profesor Madya; dan
 - (d) Penyelia Utama atau Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan.
- (4) Panel Penilai bertanggungjawab untuk –
- (a) menilai cadangan penyelidikan dan pencapaian pelajar dalam sesi pembentangan, dan sekiranya pelajar layak, panel boleh memperakarkan permohonan penukaran daripada program sarjana kepada program kedoktoran; dan
 - (b) memaklumkan secara bertulis tentang penukaran program pengajian pelajar dan dikemukakan kepada Mesyuarat Fakulti dan Pusat Pengurusan Akademik (PPA).
- (5) Pelajar telah memenuhi semua syarat/kriteria calon yang layak untuk memohon naiktaraf daripada Program Ijazah Sarjana ke Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Perubatan UKM.

3.0 SYARAT/ KRITERIA CALON YANG LAYAK UNTUK MEMOHON

- (a) Calon mestilah sekurang-kurangnya memperolehi CGPA 3.00 atau setaraf bagi ijazah sarjanamuda;
- (b) Calon mengikuti program Sarjana Mod Penyelidikan sahaja;
- (c) Permohonan hanya boleh dibuat sekali sahaja selewat-lewatnya dalam tempoh masa **DUA (2) BULAN PERTAMA DI- SEMESTER KETIGA (3)**;
- (d) Calon telah menghadiri dan membentang sekurang-kurangnya SATU (1) kertas kerja di persidangan yang **BUKAN ANJURAN UKM**;
- (e) Telah mempunyai sekurang-kurangnya SATU (1) Manuskrip telah diterima oleh Jurnal Berindeks WoS dalam bidang calon dan merupakan Pengarang Utama;
- (f) Penilaian Laporan Kemajuan Calon (LKC) mesti baik dan tiada tindakan tatatertib.
- (g) Telah mencapai/melengkapkan sekurang-kurangnya 75% dari objektif spesifik Penyelidikan Sarjana (dinilai semasa pembentangan proposal di peringkat Jabatan dan melengkapkan Borang Penilaian Pembentangan Proposal);
- (h) Telah selesai penulisan minimum 2 Bab Tesis (Bab 1 – Pendahuluan dan Bab 2 – Kajian Kepustakaan);
- (i) Penilaian dan kelulusan perlu dibuat oleh Panel/ Jawatankuasa Penilaian di peringkat Jabatan yang terdiri daripada sekurang-kurangnya **TIGA (3)** orang Pensyarah (selain daripada Penyelia). Tahap kelulusan penilaian calon ialah minimum 80% untuk calon diperakuan;
- (j) Mendapat sokongan bertulis daripada Penyelia Utama & Ketua Jabatan dengan melengkapkan Borang Permohonan Naiktaraf daripada Program Ijazah Sarjana ke Ijazah Doktor Falsafah Fakulti Perubatan UKM.

4.0 PROSEDUR PERMOHONAN

- (a) Calon dikehendaki untuk melengkapkan Borang Permohonan Naiktaraf Daripada Program Ijazah Sarjana Ke Ijazah Doktor Falsafah Fakulti Perubatan UKM.
- (b) Permohonan calon mestilah berserta dengan laporan lengkap penyelidikan yang menyenaraikan skop asal cadangan penyelidikan (telah mendapat kelulusan **Jawatankuasa Etika Penyelidikan dan Jawatankuasa Sekretariat Penyelidikan Perubatan & Inovasi (SPPI)**, skop kerja yang telah diselesaikan dan skop cadangan baru(berserta penambahan objektif baru) untuk peringkat Doktor Falsafah;
- (c) Calon juga perlu membuktikan telah mencapai sekurang-kurangnya 75% objektif spesifik penyelidikan asal dan menunjukkan hasil yang signifikan yang boleh diterbitkan dalam Jurnal Berindeks WoS;
- (d) Calon perlu mengemukakan pembuktian yang menunjukkan calon telah menghadiri persidangan bukan anjuran UKM dan penerimaan/penerbitan manuskrip dalam Jurnal Berindeks WoS dimana calon merupakan pengarang utama;
- (e) Jabatan perlu mengemukakan Borang Penilaian Pembentangan Proposal peringkat Jabatan telah dipenuhi dan mencadangkan nama ahli panel penilai kepada Sekretariat Pengajian Siswazah;
- (f) Sekretariat Pengajian Siswazah akan melantik Panel/Jawatankuasa Penilaian penilai untuk Penilaian;
- (g) Panel/Jawatankuasa Penilaian akan membuat penilaian berdasarkan kepada Borang Penilaian Jawatankuasa Penilaian dan membuat perakuan menyokong atau tidak permohonan calon dan dikemukakan kepada Sekretariat Pengajian Siswazah. Tahap kelulusan penilaian calon ialah minimum 80% untuk calon diperakuan;
- (h) Sekretariat Pengajian Siswazah perlu mendapatkan perakuan dan kelulusan Panel/Jawatankuasa Penilaian Penilaian ke Mesyuarat Pengajian Siswazah (MPS) dan Mesyuarat Fakulti Perubatan untuk perakuan dan kelulusan;
- (i) Sekiranya permohonan berjaya, pertukaran program daripada Sarjana ke Doktor Falsafah (jika diluluskan) akan bermula pada semester ke-4 pengajian;
- (j) Tempoh pengajian program Doktor Falsafah akan dikira bermula dari tarikh pendaftaran pertama di peringkat Sarjana.

5.0 KEAHLIAN PANEL/JAWATANKUASA PENILAIAN

Satu panel penilai hendaklah dilantik dan dianggotai oleh:

- (a) Dekan/Pengarah atau wakilnya sebagai pengerusi; dan
- (b) Ketua Jabatan/Pengerusi Pusat Pengajian atau wakilnya; dan
- (c) Tiga (3) orang staf akademik Universiti dalam bidang berkaitan yang terdiri daripada Profesor atau Profesor Madya; dan
- (d) Penyelia Utama atau Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan; dan
- (e) Pegawai dari Sekretariat Pengajian Siswazah.

6.0 TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan Pindaan Syarat Naiktaraf Daripada Program Ijazah Sarjana Ke Ijazah Doktor Falsafah Fakulti Perubatan UKM berkuat kuasa pada mulai 12 Februari 2020.

APPENDIX

 <p>UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i></p>	UKM-SPS-FPER-PK02-BO02	No. Semakan: 01	Tarikh Kuatkuasa: 12/02/2020
BORANG PERMOHONAN NAIKTARAF DARIPADA PROGRAM IJAZAH SARJANA KE IJAZAH DOKTOR FALSAFAH FAKULTI PERUBATAN UKM			

BAHAGIAN A (Untuk dilengkапkan oleh Pelajar)

1. Nama Calon: _____
2. Nombor Pendaftaran Pelajar: _____
3. Nombor Kad Pengenalan: _____
4. Program Pengajian: _____
5. Bentuk Pendaftaran (Sepenuh masa/Separuh Masa): _____
6. Semester/Sesi Mula Mendaftar: _____
7. Jumlah Semester Telah Mendaftar: _____
8. Nama Penyelia Utama/Jawatankuasa Penyelia: _____
9. Tajuk penyelidikan sekarang:

10. Tajuk penyelidikan dipohon untuk PhD:

11. Tarikh pembentangan proposal PhD di Jabatan: _____
(*salinan surat/ minit kelulusan pembentangan proposal mesti disertakan*)
12. Bilangan pembentangan dalam persidangan kebangsaan/ antarabangsa: _____
(*Salinan abstrak rasmi berserta pembuktian menghadiri persidangan mesti disertakan*)
13. Bilangan pembentangan dalam persidangan bukan anjuran UKM: _____
14. Bilangan penerbitan dalam jurnal berindeks WoS: _____
(*Calon mestilah telah mempunyai sekurang-kurangnya SATU (1) Manuskrip telah diterima oleh Jurnal Berindeks WoS dalam bidang calon dan merupakan Pengarang Utama. Bukti penerbitan mesti disertakan*)

15. Bilangan penerbitan lain-lain: _____

16. Peratus objektif penyelidikan yang telah dicapai sekarang: _____
(calon mestilah telah menyiapkan $\geq 75\%$ objektif penyelidikan di peringkat Sarjana)

17. Skop asal cadangan penyelidikan (telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan dan Jawatankuasa Sekretariat Penyelidikan Perubatan & Inovasi (SPPI)).

18. Skop cadangan penyelidikan baru (berserta penambahan objektif baru) untuk pengajian peringkat Ijazah Doktor Falsafah:

BAHAGIAN B (Untuk dilengkapkan oleh Penyelia Utama)

1. Sila tandakan (✓) pada tahap pencapaian calon dalam aspek-aspek berikut:

	Lemah	Sederhana	Baik	Cemerlang
Kekerapan berjumpa penyelia				
Motivasi menjalankan penyelidikan				
Pemahaman konsep asas kajian yang dijalankan				
Kecekapan bekerja sendiri				
Integriti dalam menjalankan kajian				
Pengurusan masa				
Penguasaan bahasa dan penyampaian penyelidikan				
Tahap penulisan tesis <i>(calon mestilah telah menyiapkan sekurang-kurangnya Bab 1 (Pendahuluan) dan Bab 2 (Kajian Kepustakaan))</i>				

1. Komen kesesuaian calon untuk naiktaraf daripada program Ijazah Sarjana ke Ijazah Doktor Falsafah:

2. Permohonan calon untuk naiktaraf daripada program Ijazah Sarjana ke Ijazah Doktor Falsafah: disokong / tidak disokong (*sila potong yang mana tidak berkenaan*)

(Tandatangan & Cop Rasmi Penyelia Utama)

Tarikh

BAHAGIAN C (Untuk dilengkapkan oleh Ketua Jabatan)

1. Komen kesesuaian calon untuk naiktaraf daripada program Ijazah Sarjana ke Ijazah Doktor Falsafah:

2. Komen kesesuaian proposal penyelidikan yang dipohon untuk program Ijazah Doktor Falsafah:

3. Permohonan calon untuk naiktaraf daripada program Ijazah Sarjana ke Ijazah Doktor Falsafah: disokong / tidak disokong (*sila potong yang mana tidak berkenaan*)

4. Tarikh Pembentangan dan Penilaian oleh Jabatan: _____

(Tandatangan & Cop Rasmi Ketua Jabatan)

Tarikh

 <p>UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i></p>	UKM-SPS-FPER-PK03-BO03	No. Semakan: 01	Tarikh Kuatkuasa: 12/02/2020
BORANG PENILAIAN PEMBENTANGAN PROPOSAL NAIKTARAF DARIPADA PROGRAM IJAZAH SARJANA KE IJAZAH DOKTOR FALSAFAH FAKULTI PERUBATAN UKM			

NAMA CALON :.....

NO PENDAFTARAN PELAJAR :.....

Skala pencapaian pembentangan proposal:

Sangat lemah 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 Cemerlang

BIL	KRITERIA PENILAIAN	MARKAH
1	Penjelasan terhadap permasalahan kajian	
2	Kesesuaian objektif penyelidikan tambahan untuk kenaiktaraf ke PhD <i>(75% daripada objektif kajian peringkat Sarjana telah tercapai)</i>	
3	Kesesuaian kaedah kajian	
4	Kualiti dan pembentangan keputusan kajian sehingga kini	
5	Keupayaan membincangkan keputusan kajian	
6	Keupayaan membuat kesimpulan berdasarkan keputusan kajian sehingga kini	
7	Keupayaan menjawab soalan semasa pembentangan lisan	
8	Penggunaan rujukan yang relevan dan terkini	
9	Kreativiti dalam penggunaan alat pandang dengar semasa pembentangan	
10	Kemahiran membentang dengan baik	
JUMLAH		
<i>*(hanya calon yang mendapat markah 80 dan keatas akan diperakukan untuk naiktara)</i>		


Komen penilai:

Tandatangan Penilai:

Nama Penilai:

Tarikh:

**PROSES PENGURUSAN PERMOHONAN NAIKTARAF DARIPADA PROGRAM IJAZAH
SARJANA SAINS PERUBATAN KE IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
FAKULTI PERUBATAN UKM**



 <p>UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i></p>	UKM-SPS-FPER-SS02	No. Semakan: 01	Tarikh Kuatkuasa: 12/02/2020
SENARAI SEMAK SYARAT/KRITERIA CALON YANG LAYAK UNTUK MEMOHON NAIKTARAF DARIPADA PROGRAM IJAZAH SARJANA KE IJAZAH DOKTOR FALSAFAH FAKULTI PERUBATAN UKM			

NAMA CALON:

NO. PENDAFTARAN PELAJAR:

BIL.	PERKARA	SEMAK	PEMBUKTIAN
1.	Calon mestilah memperolehi sekurang-kurangnya CGPA 3.00 atau setaraf bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda		
2.	Calon sedang mengikuti program Sarjana Mod Penyelidikan sahaja.		
3.	Telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan dan Jawatankuasa Sekretariat Penyelidikan Perubatan & Inovasi (SPPI)		
4.	Permohonan hanya boleh dibuat sekali sahaja selewat-lewatnya dalam tempoh masa DUA (2) BULAN PERTAMA DI- SEMESTER KETIGA (3)		
5.	Calon telah menghadiri dan membentang sekurang-kurangnya SATU (1) kertas kerja di persidangan yang BUKAN ANJURAN UKM		
6.	Calon mempunyai sekurang-kurangnya SATU (1) manuskrip telah diterima/diterbitkan di Jurnal Berindeks WoS dalam bidang calon dan merupakan Pengarang Utama bagi penerbitan tersebut.		
7.	Penilaian Laporan Kemajuan Calon (LKC) mestilah baik dan tiada tindakan tatatertib dikenakan.		
8.	Telah mencapai/melengkapkan sekurang-kurangnya 75% dari objektif spesifik penyelidikan Sarjana (dinilai semasa pembentangan proposal di peringkat Jabatan dan melengkapkan Borang Penilaian Pembentangan Proposal)		
9.	Telah selesai penulisan minimum 2 bab tesis (Bab 1 – Pendahuluan dan Bab 2 – Kajian Kepustakaan)		
10.	Penilaian dan kelulusan perlu dibuat oleh Panel/ Jawatankuasa Penilaian di peringkat Jabatan yang terdiri daripada sekurang-kurangnya TIGA (3) orang Pensyarah (selain daripada Penyelia). Tahap kelulusan penilaian calon ialah minimum 80% untuk calon diperakukan.		
11.	Mendapat sokongan bertulis daripada Penyelia Utama & Ketua Jabatan dengan melengkapkan Borang Permohonan Naiktaraf daripada Program Ijazah Sarjana ke Ijazah Doktor Falsafah Fakultti Perubatan UKM.		